TEKS PERASMIAN PENUTUPAN YBHG. DATO' HAJI ABDUL FATTAH HAJI ABDULLAH, PRESIDEN ANGKASA

SEMINAR PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KOPERASI SEKOLAH NEGERI KELANTAN

19 – 20 OKTOBER 2016 DI HOTEL RENAISSANCE KOTA BHARU, KELANTAN

Bismillahhirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1 Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Hj. Che Mohd. Shukree Che Isa, Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Kelantan dan Barisan Ahli Jawatankuasanya

Yang Dihormati Barisan Pengetua Sekolah, Guru-Guru, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

---

1. Syukur Alhamdulillah kepada ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-NYA dapat kita bersama-sama menghadiri Seminar Pentadbiran dan

Pengurusan Koperasi Sekolah Peringkat Negeri Kelantan ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perhubungan ANGKASA Negeri Kelantan yang telah menjalinkan kerjasama dengan Bahagian Pembangunan, Kepimpinan dan Modal Insan Koperasi, ANGKASA dalam menganjurkan program ini yang dihadiri barisan Pengetua Sekolah negeri Kelantan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sudi hadir untuk bersama-sama menjayakan seminar ini.

3. Seminar ini, satu usaha ANGKASA untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan koperasi sekolah di samping untuk mengembang dan memantapkan aktiviti perniagaan koperasi sekolah bagi menjana perolehan untuk kepentingan anggotanya iaitu pelajar-pelajar dan guru.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

4. **Statistik Koperasi Sekolah Negeri Kelantan bagi tahun 2015** adalah 161 buah dengan jumlah anggotanya seramai 159,116 orang. Jumlah modal syer/yuran adalah RM2

juta, aset berjumlah RM18.5 juta dan perolehan sebanyak RM 28.7 juta. Untuk makluman, daripada 161 buah koperasi sekolah, 150 daripadanya memperoleh keuntungan pada tahun 2015.

5. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh SKM ini, jelas menunjukkan bahawa koperasi sekolah juga mampu menjana perolehan dan mengumpul aset yang tinggi. Koperasi sekolah pelengkap kepada koperasi dewasa dalam menjayakan Dasar Koperasi Negara untuk sektor koperasi menyumbang RM50 bilion menjelang 2020.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

6. Kemajuan sesebuah koperasi sekolah dipengaruhi banyak faktor. Antaranya pemilihan guru penasihat koperasi iaitu guru-guru yang dilantik haruslah mempunyai kelayakan, minat dan sikap yang positif terhadap koperasi sekolah. Guru tersebut juga perlu mempunyai ilmu dan asas yang kukuh dalam bidang perniagaan manakala guru yang dilantik sebagai Bendahari harus faham dan jelas dengan Penyata Kewangan.

7. Selain itu, pengetua juga perlu memainkan peranan yang proaktif dalam memastikan guru penasihat koperasi menjalankan tugas mereka berlandaskan kepada Akta dan UUK supaya tujuan penubuhan koperasi sekolah tidak lari dari matlamat asalnya iaitu menjaga kebajikan anggota dan bukannya bermotifkan kepada keuntungan semata-mata. Matlamat koperasi sekolah adalah untuk melatih pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan.

8. Sumbangan koperasi kepada sekolah juga adalah faktor yang membawa kepada kemajuan sesebuah koperasi sekolah. Koperasi sekolah dapat memberi impak yang besar kepada pelajar-pelajar kerana dengan adanya koperasi sekolah pelajar-pelajar dapat membeli barang-barang dengan harga yang murah dan ada sesetengah koperasi sekolah mampu meletakkan harga yang lebih rendah dari kedai di luar.

9. Keuntungan yang diperolehi oleh koperasi sekolah perlu dipulangkan kepada anggotanya melalui agihan dividen, rebet dan sebagainya. Sesetengah koperasi sekolah banyak membantu dalam menangani masalah prasarana sekolah. Contohnya membeli buku rujukan yang terbaru untuk diletakkan di

perpustakaan sekolah untuk manfaat pelajar-pelajarnya, membeli tambahan meja dan kerusi di kantin, garaj kenderaan guru, dewan dan sebagainya.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

10. Guru penasihat koperasi juga perlu diberi ruang dan peluang untuk menghadiri kursus atau seminar tentang pendidikan dan pengurusan koperasi sekolah bagi memastikan tadbir urus koperasi dapat dilaksanakan dengan baik dan efektif di samping berkongsi idea dan pengalaman bersama koperasi-koperasi sekolah yang lain. Lawatan ke koperasi sekolah yang berjaya juga penting bagi mendapat pendedahan dan pengetahuan dalam pengurusan serta dapat melihat aktiviti yang dijalankan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada koperasi sekolah.

11. Penglibatan pelajar dalam pengurusan koperasi sekolah juga perlu diperluaskan supaya pelajar-pelajar mendapat pengalaman menguruskan perniagaan.Dengan penglibatan pelajar, maka ciri-ciri keusahawanan dapat diterapkan kepada pelajar.

12. Jati diri yang kental juga, dapat mempengaruhi kejayaan sesebuah koperasi kerana jati diri dapat mendidik manusia bersikap amanah, jujur, sadik dan bertanggungjawab.

13. Harapan saya agar semua koperasi sekolah dapat berjalan dengan berjaya dan dapat terus memberi banyak faedah dan kemudahan kepada anggotanya dan sekolah. Dengan kerjasama semua pihak, saya yakin ia akan memberi impak yang positif terhadap kemajuan sesebuah koperasi dema manfaat bersama.

14. Akhir kata, saya berharap koperasi sekolah akan terus sukses dan dapat terus menyumbang dengan berkesan kepada ekonomi negara dan mampu bergerak seiring dengan koperasi-koperasi dewasa yang berjaya.

15. Saya dengan lafaz Bismillahhirrahmanirrahim, merasmikan **Penutupan Seminar Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi Sekolah Peringkat Negeri Kelantan**.

Wabillah Hitaufiq Walhidayah
Wassalamualaikum.

Sekian terima kasih.